

200 pelajar UMSKAL jayakan Program Jejak Sejarah Labuan

UB 18-3-2014 B1

SERAMAI 200 pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menayakan Program Jejak Sejarah Labuan 2014.

Program yang dianjurkan bersama UMSKAL dan Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Labuan (JMM Wilayah Labuan) itu dihadiri Pustakawan Kanan UMSKAL Baharin Entoh yang mewakili Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Ismail Ali.

Turut hadir Pengarah JMM Wilayah Labuan Sitti Rabia Abd Rahman dan Penyelaras Program Mohd Fadzli Sarudi yang juga Penolong Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Pelajar UMSKAL.

Peserta program itu terdiri pelajar biasa 160 orang, 20 orang Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Udara dan 20 orang Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA). Jumlah 200 orang pelajar dipilih sempena 20 tahun UMS.

Mereka meneroka kawasan dan monumen bersejarah di Tanjung Kubong iaitu di Lubang Gantang, Kubur Inggeris, Gedung Ubat dan Terowong Arang Batu.

Pelajar-pelajar UMSKAL diberi penerangan mengenai kawasan-kawasan bersejarah dan membuat kerja-kerja pembersihan di kawasan berkenaan.

Baharin berkata, program

itu mampu memberi pendedahan kepada pelajar khususnya dari luar Wilayah Persekutuan Labuan mengenai sejarah Labuan.

Selain itu katanya, sebagai salah satu program Strategi Lautan Biru (NBOS) UMSKAL dengan komuniti tempatan.

“Melalui program itu, hubungan baik akan terus terjalin antara UMSKAL dengan komuniti dan organisasi di Wilayah Persekutuan Labuan,” katanya.

Sementara itu, Fadzli merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Jabatan Muzium Labuan kerana memilih pelajar UMSKAL untuk menayakan program itu.

Beliau berharap pelajar UMSKAL terutama dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung akan mengenali sejarah Wilayah Persekutuan Labuan dengan lebih dekat untuk dimaklumkan kepada ahli keluarga dan rakan-rakan di kampung halaman masing-masing.

Labuan diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 16 April 1094.

BAHARIN (tengah), Sitti Rabia dan Fadzli bergambar kenangan dengan pelajar UMSKAL di hadapan bekas lombong arang batu Chimney di Lubok Temiang sempena Program Jejak Sejarah Labuan.

